

U B212 DEB

MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 20 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA BERPENDAPAT DIALOG DAN FORUM DUA HALA SECARA TIDAK FORMAL ANTARA INSTITUSI-INSTITUSI BUKAN KERAJAAN DI NEGARA INI DAN DI NEGARA-NEGARA LAIN DAPAT MENGELAKKAN MASALAH DARIPADA MENJADI ISU.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DIALOG DAN FORUM SEUMPAMA INI BUKAN SAHAJA DAPAT MENGENDURKAN KETEGANGAN MASALAH MALAHAN MEMBOLEHKAN PENELITIAN DAN PEMBAHAGIAN KESEMPATAN UNTUK BEKERJASAMA SEBELUM MASALAH-MASALAH DIKETENGAHKAN PADA PERINGKAT FORMAL.

PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSAN KEPADA SEMINAR KEDUA JEPUN-MALAYSIA DI TOKYO, BERKATA DIALOG-DIALOG SEUMPAMA ITU MEMBERI KESEMPATAN KEPADA PARA PESERTA UNTUK BERTERUS TERANG SECARA JUJUR DAN IKHLAS TANPA ADA RINTANGAN DAN BAHAYA MELIBATKAN KERAJAAN ATAU NEGARA.

SEMINAR ITU DIANJURKAN OLEH PERSATUAN PENGGALAKAN KERJASAMA ANTARABANGSA (APIC) DENGAN KERJASAMA INSTITUT KAJIAN STRATEGI DAN ANTARABANGSA MALAYSIA (ISIS). SEMINAR YANG PERTAMA DIADAKAN DI JEPUN PADA 1984.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN DALAM HUBUNGAN ANTARA NEGARA-NEGARA, SALURAN UTAMA KOMUNIKASI MESTILAH ANTARA KERAJAAN TETAPI KOMUNIKASI DAN PERBINCANGAN PADA PERINGKAT TIDAK FORMAL JUGA PENTING. -- LAGI.

1151MST 20 06 86

U B213 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

KATANYA, MALAYSIA TELAH BERTINDAK MENUBUHKAN SISTEM DIALOG DUA HALA YANG TIDAK FORMAL DENGAN BANYAK NEGARA TERMASUK JEPUN, AMERIKA, CHINA, INDIA, SOVIET UNION, PERANCHIS, JERMAN BARAT, VIETNAM, BANGLADESH, INDONESIA, THAILAND, SINGAPURA, FILIPINA DAN BRUNEI.

MENGENAI SEMINAR ITU, PERDANA MENTERI BERHARAP PERBINCANGAN DAN HASILNYA NANTI DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KEPADA MEMPERBAIKI PERSEFAHAMAN DAN MEMPERTINGKATKAN HUBUNGANN ANTARA MALAYSIA DENGAN JEPUN.

MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BANYAK BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN JEPUN DAN KEJAYAAN RAKYATNYA.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA JUGA MENGHARGAI HUBUNGANNYA DENGAN JEPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MASIH PERLU MEMPELAJARI BANYAK LAGI PENGALAMAN NEGARA JEPUN. -- BERNAMA.

1153MST 20 06 86